

**Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)**  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Khas Bilangan 1/2025

---

**TARIKH** : 12 Februari 2025 (Rabu)  
**MASA** : 5.00 petang – 7.00 petang  
**TEMPAT** : Bilik Mesyuarat LPU, Aras 3, Canseleri Tun Abd Razak,  
UMPSA Pekan dan Secara Dalam Talian (*GoogleMeet*)

---

**4.17 Kertas JKPU Khas Bil. 1/2025 (UK17) Unit Integriti dan Pematuhan – Cadangan Untuk Menerima Pakai Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**

(a) Mesyuarat mengambil maklum:

(i) Polisi ini dibangunkan adalah:

- (1) Sebagai rujukan dan makluman mengenai pengurusan hadiah dalam kalangan staf dan pihak-pihak yang berurusan dengan staf tersebut.
- (2) Mengelakkan daripada berlakunya konflik kepentingan dan salah laku staf yang berpunca daripada urusan hadiah; dan
- (3) Meningkatkan integriti di kalangan staf secara khususnya dan seterusnya meningkatkan imej UMPSA secara keseluruhannya.

(ii) Polisi Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) adalah sepertimana dalam kertas kerja di lampiran.

(b) **Mesyuarat telah bersetuju:**

(i) Meluluskan Cadangan Untuk Menerima Pakai Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sepertimana dalam kertas kerja di lampiran selaras dengan Pindaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber

Manusia Ceraian UP.7.2.5: Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah [P.U (A) 464/2010].

**Tindakan: Ketua Unit Integriti dan Pematuhan**



**Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)**  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah(UMPSA) Ke-249 Bilangan 3/2025

---

**TARIKH** : 19 Mac 2025 (Rabu)  
**MASA** : 11.10 pagi – 2.30 petang  
**TEMPAT** : Bilik Mesyuarat LPU, Canseleri Tun Abd Razak,  
UMPSA Pekan

---

**3.20 (Minit 4.17) JKPU Khas Bil. 1/2025 (UK17) Unit Integriti dan Pematuhan – Cadangan Untuk Menerima Pakai Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**

- (a) Mesyuarat mengambil maklum :
- (i) Polisi ini telah dibentangkan untuk pemakluman Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 25 Febuari 2025 oleh Pengerusi Jawatankuasa Governan, Risiko, Integriti (JGRI) sebelum diwar-warkan kepada warga Universiti.
  - (ii) Pemakluman kepada staf telah dibuat melalui e-mel pada 13 Mac 2025.

**Makluman**

